

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HST 221 Tanah Besar Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bincangkan warisan pengaruh China di Vietnam. Sejauhmanakah warisan ini bertanggungjawab kepada tindak balas elit-elit wangsa Nguyen terhadap kolonialisme Perancis di abad ke-19?
2. Sejauhmanakah anda bersetuju dengan Benedict Anderson yang menolak sebarang keunikan di dalam sejarah Siam khususnya zaman Rama 5?
3. Dengan merujuk kepada mana-mana negara, bincangkan peranan agama di dalam pertumbuhan nasionalisme tempatan di antara 1900 hingga 1941.
4. "Pendudukan/kehadiran Jepun di Tanah Besar di antara 1940 hingga 1945 hanya membawa perpecahan kepada pergerakan nasionalisme tempatan".  
  
Bincangkan dengan merujuk kepada mana-mana negara di Tanah Besar.
5. Sejauhmanakah penyatuan Vietnam seperti yang dikehendaki oleh Perjanjian Geneva 1954 itu digagalkan oleh Ngo Dinh Diem?

6. "Penguasaan Sihanouk ke atas politik Kampuchea di antara 1954 hingga 1970 merupakan satu mitos" (Girling)

Bincangkan.

7. Sejauhmanakah tentera menggagalkan demokrasi di negara Thai di antara 1945 hingga 1976?

-oooOOOooo-